

TIPOLOGI TOPONIMI BAHASA MELAYU DI BENGKALIS

(Typology of Malay Toponyms in Bengkalis)

Mohammad Fadzeli Jaafar¹ 
fadzeli@ukm.edu.my

Sailal Arimi² 
sailal_arimi@ugm.ac.id

Sukma Erni³
sukma.erni@uin-suska.ac.id

Nurhazlina Husin⁴ 
norha462@uitm.edu.my

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.¹

Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Gadjah Mada, Jl. Nusantara 1,
Bulaksumur Yogyakarta 55281, Indonesia.²

Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan, Universitas Islam Negeri Sultan
Syarif Kasim, Jl. Ir. H. Djuanda No. 95 Ciputat, Kota Tangerang Selatan
15412, Indonesia.³

Akademi Bahasa, Universiti Teknologi MARA, 81310 Skudai, Johor.
Malaysia.

Pengarang Koresponden (*Corresponding Author*):¹

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Mohammad Fadzeli Jaafar,
Sailal Arimi, Sukma Erni, & Nurhazlina Husin. (2025). Tipologi
toponimi bahasa Melayu di Bengkalis. *Jurnal Bahasa*, 25(1),
159–178. [https://doi.org/10.37052/jb25\(1\)no6](https://doi.org/10.37052/jb25(1)no6)

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda
(*This article has undergone a double-blind peer review process*)

Peroleh: Received:	10/4/2025	Semakan: Revised:	16/5/2025	Terima: Accepted:	19/5/2025	Terbit dalam talian: Published online:	26/6/2025
-----------------------	-----------	----------------------	-----------	----------------------	-----------	---	-----------

Abstrak

Toponimi merupakan suatu bidang yang mengkaji nama tempat, misalnya nama jalan, kampung, daerah, bandar dan negeri. Proses penamaan tempat lazimnya berkait dengan nama geografi atau topografi. Kajian ini tertumpu pada nama tempat yang terdapat di Bengkalis, iaitu sebuah pulau yang terletak di provinsi Riau. Kajian ini dilakukan untuk mengetahui ketahanan atau kelangsungan bahasa Melayu melalui nama tempat di Bengkalis. Analisis toponimi dilakukan secara tipologi linguistik, iaitu pengklasifikasian bahasa berdasarkan ciri struktural yang terdapat pada nama sesuatu tempat. Data kajian dikumpulkan menggunakan kaedah ekstensif, iaitu penggunaan peta dan pengutipan data di lapangan dengan cara mengambil foto dan mencatat nama kedai, jalan, masjid dan kampung di kawasan urban dan rural Bengkalis. Proses pengambilan foto dilakukan berdasarkan titik kordinat yang terdapat pada Google Maps. Hasil kajian menunjukkan bahawa nama tempat di Bengkalis memperlihatkan ciri bahasa aglutinatif, iaitu menggunakan bentuk kata tunggal (Pusara, Bhakti), kompleks (Mekar Jaya, Harian Makmur), derivatif (Al-Muslihin, Desa Penebal) dan kata majmuk (Jl. Putra Jaya, Desa Sukamaju). Sebahagian nama masjid menggunakan bahasa Arab, sementara nama jalan, lorong dan toko cenderung menggunakan bahasa Melayu, selain bahasa Jawa dan bahasa Cina. Hal ini memberikan gambaran bahawa bahasa Melayu dominan digunakan untuk pelbagai nama tempat sebagai satu cara petunjuk identiti kemelayuan di Bengkalis.

Kata kunci: Toponimi, Bengkalis, tipologi, aglutinatif, Melayu, identiti

Abstract

Toponymy is a field that examines place names, such as streets, villages, districts, cities, and states. The naming of places is typically associated with geographical or topographic features. This study focuses on place names found in Bengkalis, an island located in the Riau province. It aims to explore the resilience and continuity of the Malay language through the place names in Bengkalis. The toponymic analysis is conducted using linguistic typology, which classifies languages based on structural features found in place names. Data were collected using extensive methods, including the use of maps and fieldwork, by photographing and recording the names

of shops, streets, mosques, and villages in both urban and rural areas of Bengkalis. The photography was guided by coordinates obtained from Google Maps. Findings show that the place names in Bengkalis are characterized by agglutinative language features, including single-word forms (Pusara, Bhakti), complex forms (Mekar Jaya, Harian Makmur), derivatives (Al-Muslihin, Desa Penebal), and compound words (Jl. Putra Jaya, Desa Sukamaju). Some mosque names are in Arabic, whereas names of streets, alleys, and shops tend to use Malay names, alongside Javanese and Chinese. This suggests that the Malay language is predominantly used in place naming, serving as an indicator of Malay identity in Bengkalis.

Keywords: Toponymy, Bengkalis, typology, agglutinative, Malay, identity

PENDAHULUAN

Terdapat banyak pengkaji yang melaporkan bahawa Bengkalis merupakan satu daripada pelabuhan yang menjadi tempat persinggahan pedagang daripada kepulauan Melayu, Cina dan Eropah (Fatmahwati, 2021; Muhammad Isa Selamat et al, 2021; Windi Syahrin & Syahrul Rahmat, 2023). Antara barang dagangan di Bengkalis termasuklah garam, beras, rempah-ratus, tembaga, emas, seramik dan ikan terubuk. Malah, Khairiah dan Jarir (2018) menyatakan bahawa Bengkalis ialah kawasan yang terlindung daripada angin kencang, selain tempat membaiki kapal.

Dari segi sejarah, Bengkalis pernah berada di bawah kekuasaan Melaka (1400–1641), Johor (1641–1723), Kerajaan Siak (1723–1858) dan Belanda (1858–1942). Fakta ini menunjukkan bahawa Bengkalis sering menjadi rebutan kerana lokasinya yang strategik sebagai pusat pelabuhan dan perdagangan di rantau ini. Muhammad Isa Selamat et al. (2021) menyatakan bahawa penguasaan Bengkalis pada ketika itu bermaksud penguasaan hasil emas dan biji timah di hulu sungai Siak.

Menurut Hasnah Faizah et al. (2017), hampir 90% penduduk Bengkalis menggunakan bahasa Melayu. Hal ini bermaksud bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa yang penting dan utama di Bengkalis. Bahasa Melayu digunakan dalam situasi formal dan informal dalam komuniti penutur di Bengkalis. Dalam erti kata lain, bahasa Melayu berfungsi sebagai lingua franca dalam kalangan pelbagai entiti dan bangsa di Bengkalis.

Dengan berdasarkan penelitian, orang Melayu di Bengkalis menggunakan cara sebutan yang hampir sama dengan bahasa Melayu yang dituturkan di Johor, Semenanjung Malaysia, iaitu kata yang berakhir dengan suku kata akhir /a/ yang berubah menjadi /e/, misalnya [kita] dan [saya] disebut sebagai [kite] dan [saye]. Dalam hal ini, H. Abdul Malik (2010) menyatakan bahawa:

Bahasa yang digunakan dalam tradisi Johor ini biasa disebut bahasa Melayu Riau-Johor atau bahasa Melayu Johor-Riau. Di Indonesia bahasa itu dikenal dengan nama bahasa Melayu Riau, sedangkan di Malaysia biasa juga disebut bahasa Melayu Johor, selain sebutan bahasa Melayu Johor-Riau. (hlm. 7)

Jelasnya, bahasa yang dituturkan di Kepulauan Riau, termasuklah Bengkalis, lazimnya dinamakan sebagai bahasa Melayu Johor-Riau. Dengan ini, dapat dirumuskan bahawa asal usul bahasa Melayu di Bengkalis ialah bahasa Melayu Johor. Oleh sebab penggunaannya tersebar hingga Riau, bahasa Melayu Johor dikenali sebagai bahasa Melayu Johor-Riau. Menurut Mukhlis Abu Bakar (2019), dialek Johor-Riau ini menjadi dialek tempatan di wilayah kesultanan Johor-Riau, termasuklah daerah di Sumatra timur, iaitu Kepulauan Riau, Singapura, Johor, Pahang dan Selangor. Asmah Haji Omar (1992) pula menjelaskan bahasa Melayu standard berasal daripada dialek Johor-Riau yang kemudiannya menjadi model bagi sebutan baku.

Dengan berdasarkan hakikat bahawa majoriti penduduk di Bengkalis berbangsa Melayu, kajian ini dilakukan untuk mengetahui penggunaan bahasa Melayu yang berkaitan dengan nama tempat atau kawasan. Umumnya, pengetahuan tentang nama dikenali sebagai onomastik. Terdapat dua cabang onomastik, iaitu (i) antroponimi yang merujuk kajian nama orang, dan (ii) toponimi yang mengkaji asal usul nama tempat (Sudrajat et al., 2020). Malak Alasli (2019) pula menyatakan bahawa “Place names are closely linked to our sense of self, that is our identity. They are not mere signifiers of places but offer insight into the underlying perspective of communities” (hlm. 1). Dalam erti kata lain, pernyataan ini menegaskan bahawa nama tempat ialah penunjuk identiti, bukan sekadar lambang atau nama tempat tetapi, mewakili sesuatu komuniti. Dengan mengkaji nama tempat atau toponimi, kelangsungan bahasa di kawasan tertentu dapat diketahui.

Penamaan sesuatu tempat (toponimi) merupakan proses kognitif atau mental yang melibatkan individu berbanding dengan komuniti.

Proses penamaan tempat berlaku secara sedar oleh seseorang individu berdasarkan pengetahuan dalaman, keinginan dan motivasi yang tertentu. Misalnya, kewujudan sesuatu pertempatan ialah hasil daripada aktiviti manusia yang menemukan kawasan tersebut. Oleh itu, proses penamaan sesuatu penempatan menjadi sebahagian daripada proses kreatif. Hal ini dikatakan demikian kerana penamaan penempatan (kampung, daerah, bandar, negeri) atau kawasan (sungai, gunung) memerlukan pengetahuan tentang sistem sesuatu bahasa. Dalam erti kata lain, nama tempat haruslah sesuai dengan sistem penamaan dalam komuniti tertentu dan penggunaan bentuk bahasa yang perlu diterima oleh orang lain (István Hoffmann–Valéria Tóth, 2017).

Secara umumnya, kajian toponimi terdiri daripada dua aspek, iaitu (i) tertumpu pada aspek etimologi, makna dan asal usul toponimi, dan (ii) memfokuskan wilayah dan menyiasat penamaan pola tempat tersebut (Tent, 2015). Walau bagaimanapun, perbezaan ini tidak bersifat mutlak kerana sesuatu kajian dapat melibatkan kedua-dua aspek etimologi dan pola toponimi. Misalnya, dalam perbincangan etimologi toponimi sesuatu tempat/kawasan, pengkaji dapat mencungkil asal usul nama dan memerhatikan pola toponimi. Oleh itu, kajian ini membincangkan pola toponimi di Bengkalis yang berkaitan dengan nama tempat dari aspek tipologi, iaitu klasifikasi bahasa.

KAJIAN LEPAS

Setakat ini, kajian tentang Bengkalis telah dilakukan dalam pelbagai aspek, seperti sejarah, budaya, ekonomi dan bahasa. Misalnya, Muhammad Isa Selamat et al. (2021) menjelaskan bahawa Bengkalis merupakan pusat pelabuhan dan perdagangan yang penting selepas Melaka dan Johor. Pengkaji ini turut membincangkan sejarah penamaan Bengkalis. Pada akhir abad ke-16 hingga ke-19, terdapat pelbagai nama yang ditulis dalam peta yang merujuk Bengkalis, misalnya “Bamcalis”, “Bancalis”, “Bencales” dan “Bacalis”. Dalam teks tempatan, seperti *Hikayat Siak* dan *Tuhfat al-Nafis*, “Mengkalis” digunakan untuk merujuk Bengkalis. Selanjutnya, dari aspek etimologi, kata “Bengkalis” dikatakan berasal daripada sebatang pohon Bengkalis yang banyak tumbuh di pinggir sungai. Dari sisi lain, kata “Bengkalis” kononnya berasal daripada gabungan kata “bengkak” dan “bilis” atau “mengkal” dan “kalis”.

Kajian lain dilakukan oleh Hasnah Faizah et al. (2017) tentang ketahanan nilai budaya yang menjadi sebahagian daripada kearifan tempatan. Pengkaji tersebut mendakwa bahawa keaslian bahasa Melayu Riau di Bengkalis sukar dipertahankan kerana kebanyakan suku kaum di Bengkalis berasal daripada etnik Minangkabau, Batak dan Jawa. Berkaitan dengan dakwaan ini, kajian tersebut dilakukan untuk mengkaji penggunaan toponimi sebagai suatu cara untuk mengetahui cara bahasa Melayu dipertahankan dalam kalangan orang Melayu di Bengkalis melalui penamaan tempat atau kawasan di sekitar Bengkalis. Hasil kajian mendapati bahawa orang Melayu di Bengkalis masih mempertahankan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian melalui penggunaan kata panggilan kekeluargaan (bah (abah), bapak, kak long), aktiviti tradisi (gotong-royong, bekerjasama) dan makanan (bubur kacang hijau, apam, kuih bakar).

Walau bagaimanapun, ada juga kajian toponimi yang dilakukan di Kepulauan Riau. Secara umumnya, Siak pernah menjadi pusat Kerajaan Melayu. Hasil kajian menunjukkan bahawa nama tempat di Riau menggunakan kata majmuk atau frasa, yang lazimnya bermula dengan nama generik. Penggunaan nama generik berkaitan dengan nama topografi natural dalam bahasa Indonesia, manakala nama khas ialah leksikon daripada bahasa Melayu Riau (Imelda Yance, 2021), misalnya “Bukit Kencak”, “Bukit Bajarmelintang”, “Tasik Besingin”, “Tasik Bunian” dan “Sungai Kelembaya”. Oleh itu, Imelda merumuskan bahawa toponimi di Kepulauan Riau berkait dengan dua konsep sistem kognitif Melayu Riau, iaitu asimilasi dan akodomasi. Asmilasi berlaku apabila Melayu Siak menyerap maklumat baharu ke dalam maklumat sedia ada dalam kognitifnya. Maklumat baharu ialah toponimi natural, sementara maklumat lama berkait dengan aspek fizikal, sosial dan budaya dari sekitaran. Konsep akodomasi pula berlaku apabila Melayu Siak menggunakan maklumat yang sedia ada untuk menyelesaikan masalahnya.

Berkaitan dengan penggunaan bahasa Melayu di Bengkalis, Fatmahwati (2021) dalam kajiannya terhadap sastera lisan *Yung Dolah* yang menjadi tradisi kehidupan orang Melayu di Bengkalis telah menemukan sejumlah kosa kata bahasa Melayu lama, misalnya “meratah”, “lindai”, “cangkuk”, “selekeh”, “luak”, “seluk” dan “betepek”. Cerita *Yung Dolah* ini juga menggambarkan kehidupan masyarakat Melayu Bengkalis yang sederhana, iaitu sebagai petani dan nelayan tradisional. Kajian seperti ini memberikan sedikit petunjuk bahawa orang Melayu Bengkalis masih mempertahankan kosa kata bahasa Melayu dalam tradisi lisan.

Dengan berdasarkan perbincangan ini, dapatlah difahami bahawa sudah ada usaha untuk mengkaji penggunaan bahasa Melayu di Bengkalis, tetapi jumlah kajian yang secara khusus tertumpu pada penggunaan bahasa Melayu di Bengkalis agak sedikit berbanding dengan bahasa Melayu di Kepulauan Riau. Kajian sedia ada juga hanya tertumpu pada nama tertentu, misalnya nama tempat (contohnya, asal usul nama Bengkalis), nama yang berkaitan dengan aktiviti seharian dan kosa kata Melayu lama di Bengkalis. Kajian seperti ini tidak menggambarkan pola penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan orang Melayu secara menyeluruh. Oleh itu, pengkaji mengkaji penggunaan nama tempat di Bengkalis untuk mengetahui ketahanan atau kelangsungan bahasa Melayu dalam kalangan warga tempatan. Hal ini dikatakan demikian kerana nama berbeza daripada kata, iaitu dipilih secara khusus berdasarkan hubungan antara bentuk dengan masyarakat (Radding, 2018). Secara lebih khusus, kajian ini dilakukan untuk menganalisis toponimi di Bengkalis dari aspek tipologi. Dalam bidang linguistik, tipologi merujuk pengklasifikasian bahasa di dunia berdasarkan persamaan dan perbezaan struktur linguistik dan hubungan genetik (Abishek Kumar, 2019). Oleh itu, tipologi pada asasnya melibatkan perbandingan dan silang bahasa dalam pelbagai bahasa daripada kelompok bahasa yang berbeza-beza. Pengkaji cuba membandingkan toponimi di Bengkalis dengan wilayah atau daerah lain di Indonesia dan mengkategorikan toponimi mengikut keluarga bahasa dalam tipologi linguistik.

METODOLOGI

Terdapat dua cara pengumpulan data toponimi, iaitu intensif dan ekstensif. Data intensif merujuk pengumpulan data biografi, dokumen dan arkib. Soalan yang lazimnya dikemukakan dalam kaedah intensif ialah “siapa”, “bila” dan “mengapa” (soalan Wh), iaitu berkaitan dengan penamaan sesuatu tempat. Kaedah intensif dianggap sebagai asas dalam kajian toponimi yang mendahului kaedah ekstensif. Maksudnya, kaedah ekstensif dilakukan selepas kaedah intensif dilaksanakan terlebih dahulu. Sebagai perbandingan, kaedah ekstensif lebih luas skopnya kerana melibatkan set data korpus, peta dan atlas. Tent (2015) menyatakan bahawa kaedah ekstensif lebih langsung sifatnya. Penamaan sesuatu tempat dalam kaedah ekstensif bergantung pada beberapa angkubah, misalnya wilayah/kawasan, ciri dan jenis toponimi. Kajian ini pada dasarnya menggunakan

kaedah ekstensif, iaitu berpandukan peta, pengumpulan data di lapangan dan pembinaan korpus toponimi di Bengkalis.

Proses pengumpulan data toponimi meliputi dua daerah, iaitu kecamatan (mukim) Bengkalis yang mewakili kawasan bandar dan kecamatan Bantan di kawasan luar bandar. Sebanyak empat pelajar daripada Politeknik Bengkalis dilantik menjadi pembantu penyelidik untuk mengutip data toponimi. Penelitian toponimi agak luas cakupannya, iaitu tidak hanya tertumpu pada nama tempat atau jalan, tetapi juga merangkumi nama gedung/bangunan, pasar, dagang, binatang, angin, objek astronomis, kapal dan organisasi (Fajar Erikha, 2017). Oleh itu, semua pembantu penyelidik diminta untuk mengambil foto dan mencatat nama kedai (toko), jalan, lorong (gang), masjid, kedesaan, kampung, hotel dan warung di sekitar Bengkalis. Proses pengambilan foto dilakukan berdasarkan titik koordinat yang terdapat pada Google Maps.

Proses pengumpulan data berlangsung dalam tempoh satu minggu, iaitu pada awal bulan Ogos 2024. Data yang terkumpul kemudiannya dimasukkan dalam Google Drive. Keseluruhannya, terdapat empat fail yang mengandungi data toponimi, iaitu fail 1 (253), fail 2 (255), fail 3 (252) dan fail 4 (250). Jumlah korpus toponimi yang terkumpul ialah 1010. Semua data dikodkan berdasarkan beberapa item, iaitu nama umum (toko), nama khusus (Sinar Sukses), jenis bahasa (misalnya, bahasa Melayu, bahasa Arab atau bahasa Inggeris), bentuk kata (sama ada kata tunggal atau kompleks), kearifan tempatan dan lokasi atau pautan Google Maps.

Kerangka Tipologi

Tipologi merujuk pengklasifikasian bahasa di dunia berdasarkan persamaan dan perbezaan struktur linguistik dan hubungan genetik (Abhishek Kumar, 2019). Secara umumnya, tipologi dalam kajian toponimi dilakukan berdasarkan jenis bahasa tertentu, iaitu bahasa terasing, fusional dan aglutinatif. Misalnya, dari segi tipologi bahasa, Mandarin termasuk dalam jenis bahasa terasing. Bahasa ini memperlihatkan pola gabungan suku kata atau morfem. Contohnya, kata “Běijīng” ialah gabungan antara morfem “bei” (north) dengan “jing” (capital). Bagi bahasa Itali, bahasa ini tergolong dalam jenis bahasa fusional. Toponimi dalam bahasa Itali terbentuk daripada beberapa substrat, iaitu bahasa Latin, bahasa Germanik dan bahasa Greek. Penggunaan imbuhan akhiran ialah proses yang standard dalam bahasa Itali, misalnya “in -ato”, “ito” atau “-eto” berfungsi sebagai

penanda lokasi (Pin-eto “pine wood”). Kelompok bahasa lain, misalnya bahasa Finnish ialah jenis bahasa aglutinatif. Contohnya, “-la” (place) menjadi “Kumpula” (hill place). Menurut Lacobini (2006) serta lihat juga Gilang et al., (2022), satu daripada ciri bahasa aglutinatif ialah:

Words are formed by a root and a clearly detachable sequence of affixes, each of them expressing a separate item of meaning. Affixes are widely employed to indicate the relationships between words. Therefore, there are few or no independent relational elements (e.g., pronouns, pre-/postposition, articles, etc.), and a wide use of nominal cases. (hlm. 280)

Hal ini bermaksud bahawa dalam sistem morfologi bahasa aglutinatif, kata terbentuk daripada kata dasar dan dapat digandingkan dengan imbuhan, yakni setiap unsur kata membawa makna yang berbeza-beza. Dalam hal ini, bahasa Inggeris juga termasuk dalam kategori aglutinatif. Kebanyakan nama tempat dalam bahasa Inggeris adalah dalam bentuk makmuk (compound), iaitu terdiri daripada dua elemen, dengan unsur yang pertama lazimnya menerangkan unsur kedua (Khvesko, 2014). Dari aspek morfologi, Francesco (2017) mengkategorikan toponimi bahasa Inggeris kepada beberapa jenis, iaitu (i) kepala kiri (left-headed), bermaksud, morfem terikat misalnya “aber-“ digabungkan dengan “deen” menjadi “Aberdeen”, (ii) kepala kanan (right-headed), kebalikan kepala kiri, iaitu morfem terikat hadir pada bahagian kanan, misalnya “Edin-burgh” dan “North-ampton”, (iii) kepala separa (sym-headed), morfem terikat dapat hadir, sama ada pada bahagian kanan atau kiri kata, misalnya “kirk” dalam “Falkirk” atau “Kirkstead”, (iv) kepala yang disisip (infix-heads), misalnya “upon” dalam “Stratford-upon-Avon” dan (v) toponimi “opaque” yang merujuk morfomorfemik, misalnya “London” berasal daripada kata “Londin-ium”.

Sebagaimana bahasa Inggeris, bahasa Melayu juga tergolong dalam jenis bahasa aglutinatif atau bahasa yang bersifat derivatif (Nik Safiah Karim et al. 1991). Kebanyakan kata dalam bahasa Melayu terbentuk melalui proses pengimbuhan, iaitu penggabungan antara morfem kata dasar dengan morfem imbuhan secara rentetan mendatar. Pembentukan kata dalam bahasa Melayu dapat terdiri daripada kata tunggal (pokok), pengimbuhan (mengajar), pemajmukan (rumah sakit) dan penggandaan (kawan-kawan). Hal yang hampir sama turut dijelaskan oleh Khayitva Feruza (2020), iaitu penentuan ciri struktural sesuatu kata dalam bahasa aglutinatif dapat dikategorikan kepada beberapa bentuk, iaitu bentuk

tunggal (Dawn, Deer, Park, Happy), bentuk kompleks (Blue Mountains, Death Valley, Michigan City, Mount Forest, State of Colorado), derivatif (Birmingham, Middleton) dan kata majmuk (Bridgewater, Lakewood, Springfield). Analisis toponimi bahasa Bengkalis dalam kajian ini dilakukan berdasarkan empat kategori tersebut dan dibandingkan dengan sistem penamaan tempat dalam bahasa lain, misalnya bahasa Sunda, bahasa Jawa dan bahasa Minangkabau.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Perbincangan dalam bahagian ini dibahagikan kepada dua, iaitu jenis toponimi dan klasifikasi toponimi di Bengkalis.

Jenis Toponimi

Jenis toponimi merujuk nama tempat yang wujud di sesuatu kawasan, misalnya nama toko, gang/lorong, jalan, masjid dan desa. Penamaan tempat di Bengkalis berdasarkan data kajian dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Nama tempat.

Jenis	Nama
Toko/Kedai	Tetap Mulia, Sinar Sukses, Sahabat Baru, Mekar Jaya, Samira House Harian Makmur, Toko Aneka Jaya, Mewah, Sejarah Baru, Kasih, Karya Perkasa, Simbol Jaya, Anugerah Rezeki, Hang Tuah, Serba Usaha, Sejahtera, Hidayah, Tiau Cong, Lim Jay, Toko Salmah, Toko Wana, Toko Indah, Toko Tri Tosojo, Toko Bogor
Gang/Lorong	H. M Yusof, Hj. Ani, Ahmad Nuar, Haji Solihin, Hj. Rasimah, Rozali, Sukirman, Pusara, Amal, Sepakat, Kelapa, Mangga, H. Karim, H. Samsudin, Ismail, Shari, Abdullah, Rambai, Melur, Bahagia, Bhakti, Nenas, Jambu, Pinang, Rambutan Durian, Kenanga, Teratai, Sawit, Nangka, Pelabuhan, Manggis, Budiman, Kesuma

Sambungan **Jadual 1** Nama tempat.

Jenis	Nama
Jalan	Jln. Beringin, Jln. Ali Dasuki, Jl. Rahmad, Jln. Mukhtar, Jl. H. Umar, Jl. Ahmad Hasan, Jl. Abdul Razak, Jln. Idris, Jl. Bakri, Jl. H. Ahmad, Jl. H. Ilyas, Jl. H. Ibrahim Shaleh, Jalan Pahlawan, Jalan Nelayan, Parit Usup, Jalan Abu Bakar, H. Saleh, Sumarno, Samiku, H. Ja'far, H. Riduan, Mustafa, Ishak, Jl. Kadimun, Jl. Satiman, Jl. Tanjung Parit, Jl. Putra Jaya, Jl. Hj. Zaleha, Jl. Cagar Alam, Jl. Abd. Rahman, Bunga Raya, Jln Sri Pulau, Pangkalan Terang
Masjid	Baitul Muttaqin, Darul Ehsan, Al-Kiraam, Al-Falah, At-Taqwa, Nurul Yaqin, Al-Had, Taqwa, Istikmal, Raya An Nur, Al Bukhori Muslim, Baitul Ibadah, Al Jihad Jamik Kuala Alam, Abu Salam, Al-Ikhsan, Nurul Iman, Al-Mukarramah, Baiturrohman, Hubbussaadah, Masjid Besar Ar-Raudho, Nurul Huda, Masjid Al-Mujahiddin Al-Muslih, Al-Firdaus, Jami'un, Nurul Islam
Desa	Desa Resam Lapis, Desa Berancah, Desa Pasiran, Desa Pangkalan Batang, Desa Kelapapati, Desa Senggoro, Desa Air Putih, Desa Sungai Alam, Desa Penebal, Desa Penampi, Desa Temer, Desa Kelemantan, Desa Wonosari, Desa Pangkalan, Desa Batang Barat, Desa Damai, Desa Ulu Pulau, Desa Mentayan, Desa Sukamaju, Desa Kembung Luar, Desa Pambang Pesisir, Desa Simpang Ayam, Desa Sungai Batang, Desa Teluk Latak
Sekolah	Diniyah Takmiliyah Awaliyah (DTA) Al-Mutmainah, Taman Kanak-kanak (TK) Aisyiyah Bustanul Athfa, Madrasah Diniyah Takmiliyah Awaliyah (MDTA) Nurul Huda, Madrasah Aliyah Al-Hidayah, Madrasah Tsanawiyah Al-Irsyabiyah, Madrasah Diniyah Takmiliyah Awaliyah (MDTA) Nurul Iman
Warung	Gorengan Cu Lela, Masakan Padang Salero Minang, Kedai Singgah Cendol Mak Usu, Soto Mbak An, Nasi Goreng & Mie Goreng Surabaya Warung Kopi Makmur, Bakso Pakde

Dengan berdasarkan Jadual 1, sebahagian besar nama lorong jalan dan toko masih mengekalkan nama Melayu. Misalnya, **H. M Yusof, Hj. Ani, H. Karim, H. Samsudin, Ismail, Shari dan Abdullah**. Penggunaan gelaran **H.** (Haji) dan **Hj.** (Hajah) pada pangkal nama berfungsi sebagai petunjuk status keagamaan, iaitu orang yang pernah menunaikan haji di Mekah. Gaya penamaan pangkal **Haji/Hajah** sama dengan orang Melayu di Malaysia. Nama **Jalan Nelayan, Parit Usup, Kelapa, Mangga dan Bunga Raya** pula dapat dihubungkan dengan sekitaran dan jenis pekerjaan orang Melayu di Bengkalis, iaitu petani dan nelayan. Contoh nama toko pula, misalnya **Toko Salmah, Toko Wana dan Toko Indah**. Secara umumnya, penamaan tempat di Bengkalis terdiri daripada tiga jenis, iaitu:

- i. Nama ciptaan manusia, seperti nama orang (**H.M Yusof, Rozali**), nama pekerjaan (**Jalan Nelayan**), lagenda (**Jalan Pahlawan, Hang Tuah**).
- ii. Nama natural (semula jadi), iaitu unsur alam, misalnya nama pokok (**Jln. Beringin, Kelapa**), buah (**Mangga, Permatang Duku**), binatang (**Ketam Puti, Desa Simpang Ayam**), bunga (**Bunga raya, Kenanga, Teratai**), air (**Desa Air Putih, Desa Sungai Alam**), teluk/tanjung (**Desa Teluk Latak, Jalan Tanjung Parit**), pulau (**Desa Ulu Pulau**).
- iii. Gabungan unsur alam dan nama orang (**Parit Usup**).

Penduduk di Bengkalis terdiri daripada pelbagai bangsa dan etnik. Dalam hal ini, Hasbullah (2013) menyatakan bahawa sebagai ibu kota Kabupaten, Bengkalis didiami oleh pelbagai etnik yang cukup heterogen. Kaum pendatang berusaha untuk mencari kehidupan yang lebih baik di pulau Bengkalis, iaitu sebagai pedagang, buruh, nelayan dan pegawai negeri. Kewujudan etnik heterogen di Indonesia terbahagi kepada dua kelompok, iaitu etnik peribumi dan bukan peribumi. Antara etnik peribumi termasuklah pelbagai kaum yang sedia ada di Indonesia, misalnya Jawa, Sunda, Minang dan Melayu, sementara bukan peribumi merujuk Tionghua atau Cina. Oleh itu, kaum Cina agak ramai jumlahnya di Bengkalis kerana termasuk kaum yang suka tinggal di daerah kepulauan. Kepelbagaian bangsa di Bengkalis menyebabkan nama tempat turut menggunakan bahasa tempatan dan bahasa asing, seperti bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Jawa, bahasa Arab dan bahasa Cina. Data kajian menunjukkan bahawa bahasa Jawa digunakan untuk nama desa (**Desa Senggoro**), (**Desa Wonosari**), namatoko (**Toko Tri Tosojo**) dan nama jalan (**Sukiman Jl. Kadimun, Jl. Satiman**). Hal ini tidak menghairankan kerana komuniti Jawa agak ramai di Bengkalis. Bahasa Sunda turut

digunakan untuk nama toko (**Toko Bogor**). Bahasa Arab pula cenderung digunakan untuk nama masjid, misalnya **Baitul Muttaqin**, **Darul Ehsan**, **Al-Kiraam**, **Al-Falah** dan **At-Taqwa**. Seterusnya, bahasa Inggeris dan bahasa Cina digunakan untuk nama toko/kedai, misalnya **Samira House** dan **Tiau Cong**, **Lim Jay**. Kepelbagaian nama toponimi ini menunjukkan keterbukaan penduduk di Bengkalis untuk menyerap dan meminjam bahasa daripada luar. Namun begitu, bahasa Melayu digunakan secara dominan dan signifikan untuk penamaan tempat di Bengkalis.

Klasifikasi Toponimi

Perbincangan selanjutnya tertumpu pada klasifikasi atau tipologi toponimi di Bengkalis. Dengan berdasarkan analisis, penamaan tempat di Bengkalis dipengaruhi oleh sistem bahasa Melayu yang tergolong dalam jenis bahasa aglutinatif. Data kajian ini seterusnya dikelompokkan berdasarkan ciri struktural sesuatu kata, iaitu sebagaimana yang pernah dicadangkan oleh Khayitva Feruza (2020). Ciri struktural tersebut terdiri daripada toponimi tunggal, toponimi kompleks, toponimi derivatif dan toponimi kata majmuk. Semua ciri ini diaplikasi terhadap bahasa Bengkalis kerana bersesuaian dengan sifat bahasa aglutinatif.

Toponimi Tunggal

Dari segi takrif, toponimi tunggal merujuk penggunaan satu kata sahaja. Data kajian menunjukkan bahawa toponimi digunakan untuk menamakan lorong, jalan dan masjid. Kelas kata toponimi tunggal di Bengkalis terdiri daripada kata nama dan kata adjektif. Kata nama diambil daripada bahasa Melayu (**Pusara**, **Bhakti**, **Nenas**, **Durian** dan **Rambai**) dan bahasa Arab (**Hidayah**, **Istikmal**, **Taqwa**, **Amal**). Kebanyakan kata nama daripada bahasa Arab ini digunakan untuk nama masjid, yang membawa maksud kebaikan. Kata adjektif pula, misalnya **Kasih**, **Sejahtera**, **Bahagia**, **Mewah** dan **Budiman** digunakan untuk merujuk sifat yang baik. Penggunaan nama tunggal agak banyak ditemukan pada nama toko atau kedai, misalnya **Toko Berkat**, **Toko Bogor**, **Toko Salmah**, **Toko Sahabat** dan **Toko Makmur** yang diambil daripada kosa kata bahasa Melayu, bahasa Arab dan bahasa Sunda.

Toponimi Kompleks

Berbeza daripada toponimi tunggal, toponimi kompleks terdiri daripada dua atau lebih kata, misalnya **Tetap Mulia**, **Sahabat Baru**, **Mekar Jaya** dan **Harian Makmur**. Struktur penamaan tempat ini ialah “Kata nama + Kata adjektif”, misalnya **Harian** dan **Makmur**. Kata adjektif dalam konteks ini berfungsi sebagai unsur keterangan bagi kata nama. Contoh lain ialah **Desa Sungai Batang**, **Desa Pangkalan Batang** dan **Desa Batang Barat**. Pemilihan kata **sungai** dan **pangkalan** dipengaruhi oleh lokasi Bengkalis. Kata **batang** turut digunakan di provinsi lain dan dikatakan berasal daripada bahasa Minang yang bermaksud sungai. Walau bagaimanapun, data kajian ini memperlihatkan bahawa kata **sungai** dan **batang** mempunyai maksud yang berbeza. Contohnya, jika kata **batang** merujuk sungai, tidak mungkin **Desa Sungai Batang**, bermaksud **Desa Sungai Sungai**. Sebenarnya, dalam bahasa Melayu juga ada kata **batang** yang merujuk bahagian pokok yang tumbuh daripada akar yang lazimnya dikenali sebagai batang pokok. Penjodoh bilangan untuk pokok ialah “sebatang”. Penggunaan nama yang melebihi dua kata pula wujud pada nama warung (**Masakan Padang Salero Minang**, **Cendol Mak Usu**) dan sekolah (**Taman Kanak-kanak (TK) Aisyiyah Bustanul Athfa**, **Madrasah Diniyah Takmiliyah Awaliyah (MDTA) Nurul Huda**).

Data kajian juga menunjukkan bahawa nama **Hang Tuah** digunakan untuk nama kedai di Bengkalis. Nama **Hang Tuah** merujuk pahlawan berbangsa Melayu yang terkenal pada zaman pemerintahan Kesultanan Melaka pada abad ke-15. Sebenarnya, nama **Hang Tuah** sangat meluas digunakan di Malaysia, misalnya pada nama jalan, nama jambatan dan nama bangunan (**Plaza Hang Tuah**). Nama **Hang Tuah** dapat ditemukan, khususnya pada nama jalan di beberapa negeri, misalnya Melaka, Kuala Lumpur dan Johor Bharu. Malah, nama **Hang Tuah** turut digunakan sebagai nama jalan di Pekan Baru. Hal ini menggambarkan bahawa nama **Hang Tuah** melangkaui batasan geografi dan petunjuk identiti Melayu.

Toponimi Derivatif

Konsep derivatif merujuk sesuatu kata dasar yang mengambil imbuhan awalan, imbuhan akhiran atau imbuhan apitan. Oleh itu, terhasillah kata terbitan, misalnya kata “didik” dapat menerima awalan “pen-”, menjadi “pendidik” atau diletakkan imbuhan akhiran “-an” sahaja untuk menjadi didikan atau diapit oleh “pen-..-an” untuk menjadi “pendidikan”. Proses pengimbuhan ialah sesuatu yang tipikal dalam bahasa aglutinatif.

Lazimnya, apabila sesuatu kata dasar mendapat imbuhan, kelas katanya turut berubah. Contohnya, kelas kata dasar “didik” ialah kata kerja. Kelas katanya berubah menjadi kata nama apabila menerima imbuhan “pen-” untuk menjadi “pendidik”.

Data dalam Jadual 1 menunjukkan bahawa toponimi derivatif meminjam imbuhan awalan daripada bahasa Arab, iaitu “al-” (**Al-Muslih**, **Al-Firdaus**). Awalan “al-” ini berubah menjadi “at-” apabila digandingkan dengan “Taqwa”, menjadi “At-Taqwa”. Begitu juga dengan “Ar-Raudho”, iaitu “al-” yang berubah menjadi “Ar-”. Yang menariknya, hampir semua masjid di Bengkalis menggunakan kata pinjaman Arab yang memperlihatkan pengaruh agama Islam. Selain itu, jika masjid meminjam bahasa Arab, nama desa pula kebanyakannya diambil daripada bahasa Jawa, misalnya, **Desa Penebal**, **Desa Penampi**, **Desa Temeran**, **Desa Kelemantan**, **Desa Berancah** dan **Desa Pasiran**. Dalam hal ini, dapat diperhatikan bahawa berlakunya penambahan awalan “pe-” pada **Penebal** dan **Penampi**, awalan “ber-” pada **Berancah** dan akhiran “-an” pada **Pasiran**. Akhiran “-an” yang tipikal digunakan untuk kata, seperti **Bangunan** dan **Harian** (**Toko Bangunan Sinar Jaya**, **Toko Harian Sunber Jaya**).

Sebagai perbandingan, kebanyakan bahasa di Nusantara juga tergolong dalam kategori bahasa aglutinatif. Contohnya, kata “Sunda” merupakan gabungan antara suku kata “Sun” (diri sendiri) dengan “da” (persekitaran), manakala kata “Pajimahan”, ialah gabungan tiga unsur, iaitu awalan “Pa” + kata dasar “mijah” + akhiran “an”. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa Sunda berada dalam kategori bahasa aglutinatif, iaitu bahasa yang penamaan tempatnya berdasarkan gabungan antara kata dasar dengan imbuhan (Ujang Komara et al., 2019). Hal ini disokong oleh Nani Darheni (2021) yang menyatakan bahawa di Kabupaten Cirebon misalnya, berlakunya penambahan akhiran “/an/” pada kata “Getas” dan “Seuseup” untuk menjadi “Desa Getasan” dan “Desa Seuseupan” atau penggunaan apitan “ke-...-an” pada “Kampung Kepunduan” dan “Kampung Kebarepan”.

Toponimi Majmuk

Kata majmuk terbentuk apabila dua unit kata digabungkan menjadi satu unit kata untuk membentuk makna baharu. Contohnya, kata “rumah” dan “sakit” yang digabungkan menjadi “rumah sakit”. Cara pengejaan kata majmuk boleh, sama ada digabungkan atau diasingkan, iaitu bergantung

pada peraturan yang ditetapkan oleh pihak yang berautoriti. Dalam kajian ini, wujud penggunaan kata majmuk pada nama jalan (**Jl. Putra Jaya**) dan desa (**Desa Kelapapati, Desa Sukamaju**). Kata “Putra” + “Jaya” mirip dengan nama bandar “Putrajaya”, iaitu pusat pentadbiran di Malaysia. Yang berbeza hanyalah ejaannya, iaitu **Jl. Putra Jaya** dieja jarak, sementara ejaan “Putrajaya” dieja rapat. Seterusnya, kata “Kelapa” + “pati” daripada jenis kata nama dan “Suka” + “maju” ialah gabungan kata adjektif.

Dengan berdasarkan kajian lepas, penggunaan bentuk majmuk untuk nama tempat turut ditemukan dalam bahasa Jawa yang menggabungkan dua kata untuk nama tempat. Misalnya, “Banyuwangi” terdiri daripada kata “banyu” (air) + “wangi” (Perono et al., 2017). Selain itu, toponimi di wilayah Sumatera Barat juga cenderung menggunakan bentuk majmuk, misalnya “Sungai Beremas”, “Sungai Nibuang”, “Batang Arau” dan “Batang Kubung”. Kata “sungai” dan “batang” bersifat generik yang hanya digunakan di Sumatera Barat (Hetti Waluati et al., 2022). Kata “batang” sinonim dengan “sungai”, yang berasal daripada bahasa Minangkabau. Contoh nama tempat lain di Sumatera Barat ialah “Air Haji”, “Lubuk Buaya”, “Muara Putuih” dan “Teluk Bayur”. Kebanyakan nama tempat ini dipengaruhi oleh bahasa Melayu dan bahasa Minangkabau. Dari aspek toponimi, nama tempat ini dipengaruhi oleh faktor geografi dan sekitaran.

KESIMPULAN

Hasil kajian mendapati bahawa bahasa Melayu digunakan secara meluas di Bengkalis, khususnya dari aspek penamaan tempat. Hal ini merupakan satu daripada cara komuniti Melayu mengekalkan dan mempertahankan identiti kemelayuannya. Penggunaan bahasa lain, misalnya bahasa Arab, bahasa Jawa dan bahasa Inggeris, untuk toponimi tertentu masih agak minimum, misalnya nama masjid dan desa. Dalam erti kata lain, walaupun dari segi sejarah, Bengkalis beberapa kali dijajah oleh Inggeris dan Belanda, penggunaan bahasa kolonial untuk nama tempat di Bengkalis hampir tidak wujud. Keadaan ini berbeza daripada Singapura, misalnya yang masih banyak menggunakan nama kolonial, seperti “Havelock Road”, “Middle Road” dan “Singapore River” (Samantha, & Francesco, 2020). Hal yang hampir sama turut berlaku di Malaysia, iaitu masih banyak menggunakan nama kolonial, seperti “Teluk Anson”, “Georgetown” dan “Jalan Fettes”. Sesungguhnya, orang Melayu di Bengkalis mempunyai hubungan yang dekat dengan agama Islam. Hal ini tergambar melalui penggunaan nama

yang dipinjam daripada bahasa Arab untuk nama masjid di Bengkalis. Selain itu, sebahagian besar nama gang/lorong dan jalan menggunakan nama Melayu. Dari aspek pola dan struktur bahasa pula, toponimi di Bengkalis memperlihatkan ciri atau karakter bahasa aglutinatif, misalnya penggunaan kata berbentuk tunggal, kompleks, derivatif dan majmuk. Walaupun wujud peminjaman imbuhan daripada bahasa Jawa dan bahasa Arab, hal ini bersifat universal kerana peminjaman bahasa berlaku untuk semua bahasa di dunia.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dibiayai oleh Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Gadjah Mada, Indonesia, dengan kod projek 2566/UN1.FIB/UP2M/2024. Projek ini bertajuk “The Representation of Malay Local Wisdom on Toponyms in Bengkalis Regency, Riau, Indonesia”.

SUMBANGAN PENGARANG

Mohammad Fadzeli Jaafar: Analisis, interpretasi, penulisan dan penyediaan makalah; Sailal Arimi: Pengumpulan dan penyediaan data; Sukma Erni: Pengumpulan data; Nurhazlina Husin: Pengumpulan data.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

1. Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.
2. Data yang menyokong kajian ini tersedia daripada pengarang bersama (Sailal Arimi) atas permintaan.

PERISYTIHARAN

Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Abishek Kumar Kashyap. (2019). Language typology. Dalam G. Thompson, WL. Bowcher, L. Fontaine, & O. Schonthal (Penyunting), *The Cambridge handbook of systemic functional linguistics*. Cambridge University Press.
- Asmah Haji Omar. (1992). *The linguistic scenery in Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Claudio Lasobini. (2006). *Morphological typology*. Elsevier.
- Fajar Erikha. (2017). *Nama jalan baru versus nama jalan lama di Kota Yogyakarta: Sebuah penelusuran toponomastik*. Prosiding Seminar Internasional Leksikologi dan Leksikografi, 4 Mei 2017, Fakultas Ilmu Pengetahuan Budaya. Universitas Indonesia (hlm. 126–135).
- Fatmahwati A., Suroyo. (2021). Fitur budaya Melayu Bengkalis dalam sastra lisan *Yung Dolah*. *Kadera Bahasa*, 13(2), Edisi Agustus, 145–159.
- Francesco, A. U. (2017). On the structure of toponyms. Dalam Lívía Körtvélyessy, Pavol Štekauer Salvador Valera (Penyunting), *Word formation universals*. Cambridge Scholars Publishing.
- Gilang Febrian, Ulfa Novitasari, & Arif Hidayat. (2022). Agglutinative language in bahasa Indonesia. *LADU: Journal of Languages and Education*, 2(4), 135–141.
- H. Abdul Malik. (2010). *Sepuluh bukti bahasa Melayu Kepulauan Riau sebagai asal-muasal bahasa Indonesia*. Seminar Bahasa dan Adat Melayu Konvensyen XI Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI), Batam, Indonesia, 10 November 2010, (hlm. 1–24).
- Hasbullah. (2013). Pola hubungan etnik Cina dengan masyarakat pribumi di Bengkalis. *Toleransi*, 5(1), 23–32. <http://dx.doi.org/10.24014/trs.v5i1.68>
- Hasnah Faizah, Isjoni, Juli Yani, & Irta Pusvita. (2017). *Malay language as retention values society local wisdom Bengkalis*. 7th International Conference on Education, Humanities and Social Sciences Studies (EHSSS-17) (May 2–3), 115–120.
- Hetti Waluati Triana, Martin Kustati, Nelmawarni, & Refinaldi. (2022). West Coastal toponyms of Sumatra island: A Corpus Linguistics Study. *Jurnal Bahasa dan Sastra*, 16(1), 90–108. <https://doi.org/10.19105/ojbs.v16i1.6163>
- Imelda Yance. (2021). A study of the toponyms of natural topography in Siak, Riau Province. *Kapata Arkeologi*, 17(1), 33–42.
- István Hoffmann–Valéria Tóth. (2017). Theoretical issues in toponym typology. <https://www.researchgate.net/publication/332946327>
- Khairiah, & Jarir. (2018). Meneliti situs-situs awal peradaban di Pulau Bengkalis. *Akademika*, 14(2), 85–97. <https://doi.org/10.56633/jkp.v14i2.54>
- Khayitva Feruza Abdikhalikovna. (2020). Principles of toponyms (place names) classifications. *International Journal of Multicultural and Multireligious Understanding*, 7(6), 73–79. <http://dx.doi.org/10.18415/ijmmu.v7i6.1738>

- Khvesco, T. V. (2014). Interdisciplinary approach to British place-names studies. *Procedia – Social and Behavioral Sciences*, 154, 402–406. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.10.175>
- Lacobini, C. (2006). Morphological Typology. Dalam K. Brown (Penyunting), *Encyclopedia of Language and Linguistics* (hlm. 278–282). Elsevier. <https://doi.org/10.1016/B0-08-044854-2/00155-3>
- Malak Alasli. (2019). *Toponym's contribution to identity: The case of Rabat (Morocco)*. Proceedings of the International Cartographic Association, 2, 1–7.
- Muhammad Isa Selamat, Khodijah Ishak, & Muhammad Fadhil Junery. (2021). Bengkalis sebagai pusat pelabuhan dan perdagangan era Kesultanan Melayu. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)*, 3(2), 40–51.
- Mukhlis Abu Bakar. (2019). Sebutan Johor-Riau dan sebutan baku dalam konteks identiti masyarakat Melayu Singapura. *Issues in Language Studies*, 8(2), 61–78. <https://doi.org/10.33736/ils.1521.2019>
- Nani Darheni. (2021). The naming system for villages and borough in Cirebon regency: A study of toponyms in Indonesia. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, V(XII), (hlm. 790–801).
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, & Hashim Hj. Musa. (1991). *Tatabahasa dewan jilid 2: Perkataan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurul Yuliana, Jatna Supriatna, & Nurul Laksmi Winarni. (2021). Community perceptions and conceptions of the impact of forest and land fires in Bengkalis Regency, Riau province. *2nd Biennial Conference of Tropical Biodiversity. IOP Conf. Series: Earth and Environmental Science*, 886, 1–6.
- Perono Cacciafoco, F., Nurlela Adzman, N., & Nur Shahirah Sharin. (2017). Mythical place names: Naming process and oral tradition in Indonesian toponym. *Review of Historical Geography and Toponomastics*, 23–24(XII), 25–35.
- Samantha JingYi Yom, & Francesco Cavallaro. (2020). Colonialism and toponyms in Singapore. *Urban Science*, 4, 1–10. <https://doi.org/10.3390/urbansci4040064>
- Sudrajat R., Setiana, D., Rejito, J., Pradana, A., Suryana I., Suryani, M., Zakaria, M. M., Permana, F. C., Ruchjana, B. N., & Abdullah, A. S. (2021). Toponymic information system for description and classification of ethno-informatics of “kampung” naming in the East Priangan of West Java. *Journal of Physics: Conference Series*. 1722 (2021) 012018, 1–12. <https://doi.org/10.1088/1742-6596/1722/1/012018>
- Radding, L. (2008). What's in a name? How toponyms connect language and society through place. *Syracuse University Honors Program Capstone Projects*. 541. https://surface.syr.edu/honors_capstone/541.

- Tent, J. (2015). Approaches to research in toponymy. *Names: A Journal in Onomastics*, 63(2), 65–74. <https://doi.org/10.1179/0027773814Z.000000000103>
- Ujang Komara, Cece Sobarna, Gugun Gunardi, & Ahman Sya. (2019). A linguistic study of toponymy and environmental identity in Sundanese ethnic. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 8(3), 398–412.
- Windi Syahrian, & Syahrul Rahmat. (2023). The terubuk fish in Bengkalis 19th to 20th Century: A study of animal history. *Journal of Philology and Historical Review*, 1(1), 30–43. <https://doi.org/10.61540/jphr.v1i1.38>
- Zulfadli A. Aziz, Cut Dewi, & Zahria Amalina. (2023). Place naming in Aceh: The genesis and generic patterns of toponyms in Banda Aceh and Greater Aceh. *Studies in English Language and Education*, 10(3), 1608–1626. <https://doi.org/10.24815/siele.v10i3.31043>